

Nuansa



KPK
HARI UNESCO MALAYSIA 2015
23-24 MEI 2015

DAKWAH MUZIK JALANAN

Konsep busking dipilih dalam menyampaikan dakwah kerana ia bersifat santai, aman, berkesan dan lebih mudah mendekati masyarakat »2&3

FOKUS

Oleh Nor Adira Mohamad Noor
rencana@hmetro.com.my

Selagi bumi ini berputar mengelilingi matahari, selagi itulah manusia memerlukan hiburan kerana menjadi fitrah manusia gemar berhibur untuk menyenangkan fikiran.

Menurut Saidina Ali, 'Sesungguhnya hati akan jemu dan bosan seperti kita letih dan lesu. Oleh itu rehatkanlah ia dengan hikmah dan bijaksana. Berikanlah ruang bagi mengembalikan keceriaan.'

Manusia tidak akan sepi dengan kesibukan bekerja sehingga mendatangkan resah dan tekanan dalam kehidupan. Justeru, manusia mencari hiburan untuk merawat jiwa dan tubuh yang letih. Tetapi, apabila menemui sesuatu bukan hiburan sejati, ia mampu mendatangkan kemudaratan dan kelalalan.

Sebagaimana terjadi tahun lalu, negara dikejutkan dengan berita kematian lima remaja akibat pengambilan dadah secara berlebihan ketika menonton konsert Future Music Festival Asia 2014 (FMFA) di Stadium Bukit Jalil. Tahun ini umat Islam digemparkan dengan isu kumpulan K-Pop, B1A4 memeluk gadis bertudung semasa konsert di sini.

Islam tidak mengharuskan kegembiraan dan hiburan, tetapi perlu mengikut panduan dan garis panduan yang ditetapkan.

Menyadari perniagaan hiburan dalam jiwa remaja Islam, Pusat Kebudayaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil inisiatif menyampaikan dakwah melalui muzik jalanan atau busking.

USIM Buskers mula menarik perhatian orang ramai yang mengunjungi pusat beli-belah Alamanda, Putrajaya menerusi program USIM Street Dakwah.

Kumpulan muzik jalanan itu hasil gabungan ahli Kelab Urus Setia Kesenian Pelajar USIM daripada pelbagai fakulti yang aktif dalam aktiviti seni budaya di kampus.

Pengarah Pusat Kebudayaan USIM, Ismail Ahmed berkata, mereka memilih konsep busking kerana ia bersifat santai, aman, berkesan dan lebih mudah mendekati masyarakat.

Nasihat agama USIM BUSKERS DI JALANAN

Hasil kutipan persembahan busking diserahkan kepada Islamic Relief bantu usaha kemanusiaan di seluruh dunia



PERSEMBAHAN muzik jalanan berada pada tahap tersendiri.



AISYAH Atiah berduet dengan Ab Rahimi ketika menyampaikan lagu ketuhanan.



PERSEMBAHAN caklempong turut mendapat sentuhan tambahan daripada Nursyafiqah Shahifuddin (tengah).

persembahan busking itu diserahkan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO), Islamic Relief yang sentiasa mendedapni usaha kemanusiaan di seluruh dunia termasuk bantuan kepada pelajaran Rohingya.

Dakwah dalam hiburan

Fenomena busking kini inisiatif dakwah yang kreatif untuk membimbing dan mendidik bukan hanya tertumpu kepada generasi Y malah golongan berusia.

Mengetengahkan seni muzik yang mempunyai nilai murni dan jati diri membuktikan dakwah bukan hanya boleh didapati di forum atau ceramah masjid semata-mata.

Sudah menjadi fitrah manusia yang tidak boleh sunyi daripada hiburan malah ia menjadi elemen penting dalam kehidupan. Justeru, bertepatan dengan hukum Islam sebagai agama fitrah yang membenarkan hiburan

INFO:
Sejarah busking Perkataan 'busker' pada asalnya dipetik daripada perkataan 'Sepanyol' 'buscar' yang bermaksud 'untuk mencari' apabila mereka mencari kekayaan dan sumber rezeki melalui bakat diri.

Manakala, istilah 'busking' iaitu mengadakan persembahan seni di tempat awam seperti menyanyi, menari, berakrobat dan bersajak tanpa sebarang kontrak atau bayaran. Mereka memperoleh habuan daripada khidmat menghiburkan orang ramai.

Sejarah mencatatkan aktiviti busking sudah lama wujud dalam kehidupan orang Roman apabila ia menjadi amalan mereka memberi wang dan habuan kepada buskers yang mengadakan persembahan di dataran pusat bandar serta jalan utama.

Anggota band USIM Buskers

1. Aisyah Atiah Mahadi (penyanyi)
2. Ab Rahimi Ab Rezaq (penyanyi)
3. Ahmad Huzaimi Mahamad (penyanyi)
4. Muhammad Agwa Asyraf Hassan (bass)
5. Mohammad Shakirin Wah (rebana)
6. Azraai Hakimi Ahmad Tamizi (perkusi)
7. Mohamed Azim Rosdin (gitar)
8. Muhammad Shukri Sahari (seruling)
9. Muhammad Nazmi Kamis (perkusi)
10. Muhammad Syaifq Saidi (cajon)
11. Ahmad Saiful Anwar Abd Malek (perkusi)
12. Muhammad Alif Omar Abdul Jalil (perkusi)
13. Daryil Ariffin Muharar (perkusi)

Lokasi dan pengalaman persembahan

1. Pasar Seni (CM), Kuala Lumpur
2. Alamanda, Putrajaya
3. Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
4. Sambutan Hari Krat Kebangsaan 2015 di Kompleks Krat, Jalan Conlay, Kuala Lumpur
5. Sambutan Hari Guru di Alor Setar, Kedah



WAKIL Islamic Relief (kanan) bersalaman dengan Ismail sambil diiringi pemuzik USIM Buskers ketika menyampaikan dana kutipan amal kepada badan terabit.



KUMPULAN USIM Buskers menghidupkan sentuhan muzik Islam menerusi penghayatan muzik masa kini.



USIM Buskers menghiburkan orang ramai dengan persembahan akustik, ensembel perkusi, taranum, dikir barat, caklempong dan beberapa dandang lagu Islamik yang membawa mesej bermakna bagi menerapkan dakwah melalui seni muzik.

sebagai seorang siswa turut gemar memilih alunan muzik dan nyanyian hanya dengan capaian kepada MP3 bagi menghilangkan tekanan dan melahirkan suasana gembira selepas penat menyiapkan tugasan.

Malah, kajian mendapati mendengar muzik dapat merangsang bahagian otak dan secara tidak langsung memberi kesan kepada daya penglihatan dan ingatan.

Dek remaja sangat berhajat akan hiburan, strategi mengajak mereka mengenai keindahan Islam melalui lagu dan muzik sangat tepat serta efektif.

Ramai remaja beranggapan belajar ilmu agama sangat bosan dan mengantuk, namun kini pendekatan seperti busking berjaya mencuri perhatian lebih ramai golongan muda.

Pernah diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah RA bahawa ketika beliau me-